

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



AmAssurance

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans Kargo Marin anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Insurans Kargo Marin?

Insurans Kargo Marin melindungi kerugian atau kerosakan kargo anda semasa dalam transit atau dihantar dari satu lokasi ke destinasi lain sama ada anda mengimport, mengeksport atau mengangkut barang secara domestik melalui laut, udara, darat, rel, pos atau kurier. Perlindungan biasa yang tersedia adalah:

- Klausa Institusi Kargo (A) atau Klausa Institusi Kargo (Udara) atau Klausa Pengangkutan Darat (Semua Risiko)**
Ini adalah perlindungan paling luas yang disediakan. Ia meliputi semua risiko kerugian atau kerosakan ke atas barangan anda semasa dalam transit, kecuali sebagaimana dinyatakan dalam pengecualian.
- Klausa Institusi Kargo (B)**
Ia melindungi segala yang ada dalam Klausa Institusi Kargo (C) serta gempa bumi, letusan gunung berapi dan kilat; air laut, tasik atau sungai memasuki kapal, kenderaan pengangkutan atau kontena; dan kerugian penuh sebarang kargo yang terjatuh dari kapal semasa memuat ke dalam kapal atau memunggah dari kapal.
- Klausa Institusi Kargo (C)**
Ia merangkumi kemalangan utama termasuk kebakaran atau letupan; kapal terkandas, terdampar, tenggelam atau terbalik; terbabasnya pengangkutan darat; pelanggaran kapal atau kenderaan pengangkutan; dan pembuangan kargo ke laut.

Perlindungan untuk risiko perang, mogok, rusuhan, kekacauan awam dan keganasan juga disediakan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM100.00** dengan Jumlah Diinsuranskan **RM50,000** bagi sebuah mesin baru yang dihantar melalui laut dari gudang penjual di China ke gudang anda di Malaysia (Incoterms: Ex-Works), anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
mesin daripada sebarang kerugian fizikal atau kerosakan sepanjang perjalanannya melalui laut dan darat dari gudang penjual di China sehingga ke gudang anda di Malaysia daripada semua risiko, seperti: - kebakaran atau letupan - kemalangan kapal (terdampar, tenggelam, terbalik, pelanggaran) - terbabas atau pelanggaran pengangkutan darat - pembuangan kargo ke laut atau kargo dihanyutkan oleh ombak yang kuat - bencana alam seperti gempa bumi, letusan gunung berapi dan kilat - lanun, perampasan, rompakan bersenjata, kecurian - kos purata umum dan caj penyelamatan - liabiliti di bawah Klausa Pertembungan Kedua Pihak Bersalah Selain itu, perlindungan termasuk risiko perang, mogok, rusuhan, kekacauan awam dan keganasan.	- salah laku sengaja oleh Pihak Diinsuranskan - kebocoran biasa, kehilangan berat atau isipadu, atau haus dan lusuh - pembungkusan mesin yang tidak mencukupi atau tidak sesuai, termasuk penyimpanan mesin dalam kontena - kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan dalaman atau sifat semula jadi mesin - kelewatan - kemufilsan atau kegagalan kewangan pemilik, pengurus, penyewa atau pengendali kapal - kapal yang tidak layak untuk berlayar, kontena atau pengangkutan yang tidak sesuai untuk pengangkutan kargo - sebarang perlindungan atau bayaran tuntutan yang akan melanggar sebarang sekatan, larangan atau had di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 6333



Layari kami di
www.amassurance.com.my



Emel kami di
customer@amassurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	<i>RM100.00</i>
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Tidak Berkenaan</i>
Premium Kasar	<i>RM100.00</i>
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	<i>Tidak Berkenaan</i>
(+) Duti Setem	<i>RM10.00</i>
Jumlah Premium Perlu Dibayar	<i>RM110.00</i>
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau <i>RM15.00</i>
Nota:	
- Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad. - Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.	

4

Terma-Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. - Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda. - Tempoh perlindungan: Perlindungan bermula apabila barang mula dipindahkan di gudang atau di tempat penyimpanan bagi tujuan pemuatan serta-merta ke dalam atau ke atas kenderaan pengangkut atau cara pengangkutan lain bagi memulakan perjalanan, diteruskan sepanjang perjalanan biasa dan berakhir selepas selesai memunggah dari kenderaan pengangkut atau cara pengangkutan lain atau di gudang terakhir atau tempat penyimpanan di destinasi yang dinyatakan dalam kontrak insurans. Polisi kargo biasanya membenarkan maksimum 60 hari atau 30 hari jika melalui pengangkutan melalui udara untuk sampai ke destinasi akhir sekiranya terdapat perjalanan seterusnya dari pelabuhan/ lapangan terbang. - Jumlah Diinsuranskan: Anda harus memastikan barangan anda diinsuranskan berdasarkan kos utama barangan atau barangan dagangan ditambah dengan perbelanjaan berkaitan penghantaran, tambang yang anda bertanggungjawab, dan caj insurans. - Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda. - Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko. - Pelarasan Premium (jika berkenaan): Jumlah penghantaran tahunan sebenar mestilah diberikan kepada kami dalam tempoh sebulan dari tamat tempoh insurans. Anda wajib menyimpan rekod yang tepat bagi angka ini dan menyediakan salinan yang diaudit kepada kami apabila diminta. - Tuntutan: Sekiranya berlaku insiden yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah segera memaklumkan kepada syarikat pengangkutan, pihak berkuasa pelabuhan, ejen penghantaran atau pihak ketiga yang mungkin bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan. Anda juga perlu memaklumkan kami secara bertulis dengan segera.	
Nota: Senarai ini tidak lengkap . Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.	

?

Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis, disokong dengan bukti bahawa penghantaran telah dibatalkan oleh pembeli atau pembekal. Setelah pembatalan, sebarang bayaran balik premium adalah berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam polisi insurans.
- Pembatalan tidak dibenarkan untuk perlindungan yang telah bermula sebelum pembatalan berkuatkuasa.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.